

01 MAY 2001

Pekerja-Rangkuman (Bergambar)

KESATUAN SEKERJA TERAJUI SAMBUTAN HARI PEKERJA DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 1 Mei (Bernama) -- Kesatuan Sekerja utama menerajui sambutan Hari Pekerja di Malaysia hari ini dengan menganjurkan pelbagai program sempena hari yang dikhaskan kepada pekerja di seluruh dunia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghadiri perhimpunan Hari Pekerja yang dianjurkan oleh Cuepacs, badan induk kesatuan sekerja sektor awam, di sini.

Dr Mahathir yang diiringi oleh isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn disambut oleh kira-kira 90 kakitangan awam beruniform sebaik sahaja tiba di perhimpunan yang dihadiri oleh kira-kira 1,000 kakitangan awam itu.

Di Subang Jaya, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menganjurkan sambutan Hari Pekerja yang serupa, dan dihadiri oleh lebih 3,000 pekerja di Wisma MTUC.

Sambutan itu bermula seawal pukul 7 pagi dengan para pekerja mula berbaris dari tiga lokasi berlainan untuk berkumpul di ibu pejabat MTUC bagi majlis sambutannya yang sebenar.

Presiden MTUC Senator Zainal Rampak dalam ucapannya menyentuh mengenai beberapa isu dengan menasihatkan pekerja agar melindungi hak mereka dan tidak takut untuk mempertahankan hak mereka walaupun diancam oleh majikan masing-masing.

Beliau juga menggesa kerajaan mengiktiraf Konvensyen 97 dan 98 di dalam standard buruh bersama yang diperkenalkan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa yang mensyaratkan kesatuan sekerja dalaman diiktiraf sebagai kesatuan sekerja sepenuhnya.

"Ini terutamanya bagi membolehkan kakitangan kerajaan menubuhkan kesatuan sekerja mereka sendiri dan tidak hanya kesatuan sekerja dalaman kerana mereka tidak mempunyai kuasa tawar menawar," katanya.

Di Kuala Lumpur City Centre (KLCC) di sini, 40 pertubuhan bukan kerajaan mengadakan perhimpunan sempena Hari Pekerja, disertai kira-kira 2,000 orang.

Majlis itu bermula pada pukul 10.30 pagi dan berlangsung selama dua jam dengan ucapan-ucapan oleh wakil-wakil pekerja, kebanyakannya pekerja ladang dan wakilnya.

Mereka juga membacakan "Deklarasi Rakyat" yang menyentuh mengenai hak-hak pekerja di negara ini.

Di KOTA KINABALU, Menteri Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat Tan Sri Joseph Kurup menggesa golongan pekerja di Sabah agar menghindar sebarang tindakan industri ketika cuba mendesak agar sesuatu masalah diatasi.

Katanya tindakan seperti tunjuk perasaan hanya akan membawa lebih banyak masalah bukan sahaja kepada pekerja sendiri, tetapi juga kepada anggota masyarakat.

"Kita tidak mahu mengikuti jejak langkah pekerja di negara lain yang selalu sahaja dilanda kekecohan kerana pekerjaanya sering mengadakan tunjuk perasaan," katanya pada satu perhimpunan sempena Hari Pekerja oleh MTUC di sini.

Sementara itu, Pengerusi MTUC Sabah Francis Ariffin berkata empat lagi kesatuan sekerja gabungan kongres itu telah ditubuhkan sejak setahun lepas, memberikan lebih banyak ruang kepada para pekerja di negeri ini untuk memperjuangkan hak mereka.

Kesatuan itu ialah Kesatuan Sekerja Hotel, Resort dan Restoran Sabah,

Kesatuan Sekerja Pegawai Eksekutif Penerbangan Malaysia, Kesatuan Sekerja Pegawai Bank Sabah dan Kesatuan Sekerja Eksekutif Pertanian Sabah.

"Saya ingin mengucapkan tahniah kepada anggota baru kesatuan sekerja ini kerana mereka telah menyedari betapa pentingnya untuk mempunyai kesatuan sekerja bagi melindungi kepentingan anda," katanya.

Dengan penubuhan kesatuan sekerja yang baru itu, MTUC yang mula diwujudkan di Sabah pada 1984, kini mempunyai 18 kesatuan gabungan yang mewakili kepentingan kira-kira 35,000 anggota.

-- BERNAMA

SR AT JS ES RHM